



MALAYSIA

# Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

Jil. 19  
No. 9

**1hb Mei, 1975**

*TAMBAHAN No. 29  
PERUNDANGAN (A)*

**P.U. (A) 122.**

**ORDINAN LALULINTAS JALAN, 1958**

BAHAWASANYA menurut Pemberitahu *Warta* No. P.U. (B) 36 bertarikh 6hb Februari, 1975, pemberitahu telah diberi mengenai cadangan hendak membuat suatu perintah di bawah seksyen 61 (2) Ordinan 49/58. Lalulintas Jalan, 1958:

DAN BAHAWASANYA tidak ada bantahan yang diterima terhadap pembuatan perintah tersebut:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 61 Ordinan Lalulintas Jalan, 1958, Datuk Bandar 49/58. Kuala Lumpur, setelah berunding dengan Pesuruhjaya Pengangkutan Jalan, dan setelah menimbangkan perkara-perkara yang tersebut dalam seksyen 61 (2) Ordinan itu, dengan ini membuat Perintah yang berikut:

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah (Jalan Damansara) Nama. (Sekatan Penggunaan Jalan) Kuala Lumpur, 1975.**
2. Kereta-kereta motor yang berat muatannya melebihi lima tan adalah dilarang daripada berjalan di sebahagian Jalan Damansara iaitu di antara simpangnya dengan Jalan Datuk Abu Bakar sehingga ke simpangnya dengan Jalan Johar. Larangan.
3. Kereta-kereta kepunyaan Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Pengecualian. Negeri atau mana-mana pihakberkuasa tempatan atau mana-mana pihakberkuasa berkanun yang menjalankan kuasa-kuasa yang diletakhak padanya oleh undang-undang Persekutuan atau undang-undang Negeri adalah dikecualikan daripada peruntukan-peruntukan Perintah ini.

Diperbuat pada 3 haribulan April, 1975.  
[DBKL. 275/67; P.N. (PU<sup>2</sup>) 177.]

TAN SRI YA'ACOB ABDUL LATIFF,  
Datuk Bandar Kuala Lumpur

## ROAD TRAFFIC ORDINANCE, 1958

49/58. WHEREAS by *Gazette* Notification No. P.U. (B) 36 of 6th February, 1975, notice was given of the intention to make an order under section 61 (2) of the Road Traffic Ordinance, 1958:

AND WHEREAS no objections were received against the making of such an order:

49/58. NOW, THEREFORE, in exercise of the powers conferred by section 61 of the Road Traffic Ordinance, 1958, the Commissioner of the City of Kuala Lumpur, after consultation with the Commissioner of Road Transport, and after taking into consideration the matters referred to in section 61 (2) of the Ordinance, hereby makes the following order:

Citation. 1. This order may be cited as the **Kuala Lumpur (Jalan Damansara) (Restriction on Use of Roads) Order, 1975.**

Prohibition. 2. Motor vehicles the laden weight of which exceeds five tons are prohibited from using that part of Jalan Damansara between its junction with Jalan Datuk Abu Bakar until its junction with Jalan Johar.

Exemption. 3. Vehicles which are the property of the Federal or State Government or of any local authority or any statutory authority exercising powers vested in it by Federal or State law shall be exempted from the provisions of this order.

Made this 3rd day of April, 1975.  
[DBKL. 275/67; P.N. (PU<sup>2</sup>) 177.]

TAN SRI YA'ACOB ABDUL LATIFF,  
*Commissioner of the City of  
Kuala Lumpur*

## P.U. (A) 123.

AKTA PASARAN GETAH PERSEKUTUAN TANAH MELAYU  
(PERBADANAN), 1962

11/62. PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen-seksyen 14 dan 16 Akta Pasaran Getah Persekutuan Tanah Melayu (Perbadanan), 1962, Perbadanan dalam Mesyuarat Agong dengan ini membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan mula berkuatkuasa. 1. Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-kaedah Pasaran Getah Persekutuan Tanah Melayu (Pindaan), 1975**, dan hendaklah disifatkan sebagai telah mula berkuatkuasa pada 28hb September, 1974.

Pindaan bagi Jadual Kedua. 11/62. 2. Kaedah 9 (2) Kaedah-kaedah Pasaran Getah Persekutuan Tanah Melayu, 1961 adalah dengan ini dipinda dengan menggantikan perkataan "shall" yang terdapat dalam baris 5 dengan perkataan "may".

Dibuat pada 1 haribulan April, 1975.  
[KPU. (E) O. 2/13/1; PN. (PU<sup>2</sup>) 143 II.]

LEW SIP HON,  
*Pengerusi,  
Lembaga Pasaran dan Pelesen Getah  
Malaysia*

FEDERATION OF MALAYA RUBBER EXCHANGE  
(INCORPORATION) ACT, 1962

In exercise of the powers conferred by sections 14 and 16 of the Federation of Malaya Rubber Exchange (Incorporation) Act, 1962, the Corporation in General Meeting hereby makes the following rules: 11/62.

1. These rules may be cited as the **Federation of Malaya Rubber Exchange (Amendment) Rules, 1975**, and shall be deemed to have come into force on 28th September, 1974. Citation and commencement.
2. Rule 9 (2) of the Federation of Malaya Rubber Exchange Rules, 1961, is hereby amended by substituting for the word "shall" appearing in line 5 the word "may". Amendment of Second Schedule. 11/62.

Made this 1st day of April, 1975.  
[KPU. (E) O. 2/13/1; PN. (PU<sup>2</sup>) 143 II.]

LEW SIF HON,  
*Chairman,*  
*Malaysian Rubber Exchange and Licensing Board*

**P.U. (A) 124.**

AKTA (PENCEN DAN GANJARAN) ANGGOTA PENTADBIRAN  
DAN AHLI-AHLI PARLIMEN, 1971

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 11 Akta (Pencen dan Ganjaran) Anggota Pentadbiran dan Ahli-ahli Parlimen, 1971, Yang di-Pertuan Agong dengan ini membuat peraturan-peraturan yang berikut: Akta 23.

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-peraturan (Pencen dan Ganjaran) Anggota Pentadbiran dan Ahli-ahli Parlimen, 1975**, dan hendaklah disifatkan sebagai telah mula berkuatkuasa pada 1 haribulan Januari, 1970. Nama dan mula berkuatkuasa.
  2. Jika seseorang Ahli mana-mana satu Majlis Parlimen menjadi Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara atau Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, mengikut mana yang berkenaan, dan mendapat elaun bulanan di bawah Akta (Saraan Ahli-ahli) Parlimen, 1960, maka elaun bulanan itu hendaklah dicampurkan dengan elaun bulanan yang didapati olehnya sebagai seorang Ahli mana-mana satu Majlis Parlimen bagi maksud mengira gajinya di bawah seksyen-seksyen 6 (4) dan 7 (2) Akta (Pencen dan Ganjaran) Anggota Pentadbiran dan Ahli-ahli Parlimen, 1971. Pengiraan gaji seseorang Ahli dalam hal-hal tertentu. 4/60. Akta 23.
  3. (1) Tertakluk kepada perenggan (2), jika seseorang sebelum menjadi Ahli telah menjadi Ahli Dewan Negeri atau Ahli Council Negeri sesuatu Negeri, maka tempoh (terus menerus atau tidak) orang itu telah menjadi Ahli Dewan Negeri atau Ahli Council Negeri boleh diambilkira bagi maksud mengira lamanya perkhidmatan masukira Ahli itu. Tempoh sebagai Ahli Dewan Negeri atau Ahli Council Negeri sesuatu Negeri boleh diambilkira.
- (2) Tiada apa-apa tempoh di bawah perenggan (1) boleh diambilkira bagi maksud-maksud Akta itu jika seseorang Ahli telah hilang kelayakan daripada menjadi Ahli Dewan Negeri atau Ahli Council negeri